

Pusat Pembelajaran Sains diperluas

BM 22/16/08 M/S 2

Oleh Sariha Mohd Ali

MARAN: Penubuhan Pusat Pembelajaran Sains (PPS) untuk kegunaan pelajar Felda dan masyarakat luar bandar bagi memberi kesamarataan dalam sektor pendidikan sains sama seperti kemudahan dinikmati pelajar di bandar akan diperluaskan ke seluruh negara tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata awal tahun ini, 10 sekolah, iaitu lima di Pahang, tiga di Terengganu dan dua di Kelantan dengan 970 murid sudah menubuhkan PPS.

Beliau berkata, pelaksanaan PPS adalah hasil kejayaan projek perintis yang dilaksanakan di Pekan memabatkan 48 pelajar kampung yang mendapat keputusan C dalam subjek Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tetapi selepas diberi tumpuan khas, 18 daripadanya kini melanjutkan pengajian di universiti dalam bidang kejuruteraan.

“Sebenarnya, masyarakat luar bandar mampu berjaya ke peringkat lebih tinggi jika mereka diberi bimbingan sewajarnya dan ini dibuktikan menerusi program melatih pe-



DEMI PENDIDIKAN: Najib sambil diperhatikan Mohd Yusof dan Mohd Sharkar (dua dari kanan) melancarkan PPS di Sekolah Menengah Harian Berasrama Bagi Murid Felda dan Luar Bandar di SMK Jengka 2, Maran, semalam.

lajar kampung yang kurang berjaya yang saya buat di Pekan, hingga akhirnya mereka bakal menjadi jurutera tidak lama lagi.

“Susulan itu, kita buat pula PPS berdasarkan perkongsian pintar antara Kementerian Pelajaran dan Felda dengan meletakkan guru berijazah terlatih untuk memberi motivasi, tuisyen percuma, kemudahan asrama dengan kemudahan pembelajaran yang terancang.

“Untuk program ini, Felda memberi sumbangan RM1 juta bagi membiayai tuisyen selama 12 jam seminggu untuk subjek Matematik, Matematik Tambahan, Sains dan Bahasa Inggeris,” katanya berucap melancarkan PPS di Sekolah Menengah Harian Berasrama Bagi Murid Felda



dan Luar Bandar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka 2, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd

Dom; Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Exco Kerajaan Pahang, Datuk Mohd Sharkar Shamuddin.

Penubuhan PPS berikutan pencapaian sains khasnya di sekolah harian pada masa ini, tidak memuaskan. Kewujudan PPS juga bagi memenuhi sasaran dasar 60:40 bagi pelajar aliran sains dan sastera, sekali gus meningkatkan penyertaan pelajar luar bandar dalam bidang sains pada 2010.

Najib berkata, jika dulu, Felda perlu membuka tanah untuk didiami peneroka, tetapi kini agensi itu perlu membuka minda generasi kedua dan ketiga dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya mampu bersaing dengan bangsa lain.

FAKTA NOMBOR

Pusat Pembelajaran Sains (PPS)

5
Sekolah di Pahang

3
Sekolah di Terengganu

AZMAIDI/ABDIN | BERITA MINGGU